



10 FEB, 2026

Harga aluminium tinggi, kecurian kabel meningkat

Sinar Harian, Malaysia



Harga aluminium tinggi, kecurian kabel meningkat

SHAH ALAM - Nilai aluminium yang tinggi di pasaran dikenal pasti sebagai antara faktor utama peningkatan kes kecurian kabel khususnya yang melibatkan lampu jalan dan infrastruktur jalan raya di Selangor.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, kenaikan harga logam itu mendorong kegiatan kecurian, berbeza dengan sebelum ini yang lebih banyak melibatkan kabel berasaskan tembaga.

Menurutnya, situasi itu mengakibatkan kerugian besar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), dengan jumlah kerugian dilaporkan mencecah jutaan ringgit khususnya sepanjang tahun lalu.

"Nilai aluminium kini tinggi. Jika sebelum ini

kebanyakan kabel menggunakan tembaga, kini kabel aluminium masih digunakan dan menjadi sasaran kecurian," katanya.

Izham berkata, isu kecurian kabel tersebut turut dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat pemukiman Jawatankuasa Tetap Negeri, susulan peningkatan kes yang semakin serius dan berleluasa sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, kerajaan negeri kini sedang mengumpulkan data serta inventori kerugian daripada JKR, TNB dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai tahap keseriusan isu berkenaan.

"Kerugian bukan sahaja melibatkan kos penggantian kabel, malah menjejaskan keselamatan serta kemudahan awam, termasuk lampu jalan," jelas beliau.

Katanya, kerajaan negeri akan mengadakan pertemuan dengan pihak keselamatan termasuk Polis Diraja Malaysia dalam masa terdekat bagi merangka langkah proaktif membendung kegiatan kecurian tersebut.

Izham turut memaklumkan penggunaan lampu jalan berasaskan tenaga solar sedang diperluaskan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap kabel bawah tanah yang mudah menjadi sasaran pencuri.

Kerugian bukan sahaja melibatkan kos penggantian kabel, malah turut menjejaskan keselamatan serta kemudahan awam, termasuk lampu jalan."

- Izham